

# Tak boleh guna gelaran profesional jual produk kosmetik (Page 7)

Berita Harian 26/7/2022

**Kuala Lumpur:** Pengasas atau peniaga produk kosmetik tidak boleh menggunakan gelaran profesional seperti doktor untuk mengiklankan produk.

Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata peraturan itu termaktub dalam garis panduan pengiklanan untuk kosmetik yang dikeluarkan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

Katanya, pengasas produk kosmetik tidak boleh membuat tuntutan perubatan atau berlebihan mengenai produk hingga melampaui skop takrifan kosmetik, iaitu membersihkan, mewangi atau mencantikkan.

“Berdasarkan garis panduan pengiklanan untuk kosmetik dikeluarkan NPRA, penggunaan gelaran profesional seperti doktor untuk pengesyoran kosmetik tidak dibenarkan, kerana ia secara tidak langsung memberi tanggapan individu itu memberi nasihat profesional dan pengesahan kepada produk berkaitan. +

“Jika penjualan kosmetik membabitkan orang profesional seperti doktor, maklumat akan disalurkan kepada badan profesional yang mengawal selia amalan doktor untuk tindakan selanjutnya.

“Tindakan regulatori seperti amaran iklan dan pembatalan notifikasi produk akan diambil, sekiranya ia didapati diiklankan dengan tuntutan perubahan atau tuntutan melampaui skop takrifan kosmetik,” katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Sabri Azit (PAS-Jerai) yang bertanyakan tindakan pemantauan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi menangani doktor media sosial yang melariskan jualan kosmetik berisiko menyebabkan kesan sampingan kepada pengguna.

Dr Noor Azmi memaklumkan, KKM memantau 1,775 iklan kosmetik bernetifikasi sepanjang tahun lalu hingga Jun tahun ini, dengan 283 amaran iklan dikeluarkan kerana membuat tuntutan yang tidak mematuhi garis panduan kosmetik, selain 104 kosmetik dibatalkan status notifikasi kerana membuat tuntutan perubahan atau melampaui skop takrifan kosmetik.

“KKM menerusi Bahagian Penguatkuasaan Farmasi menerima 86 aduan penjualan kosmetik tidak bernetifikasi secara dalam talian sepanjang tahun lalu sehingga Jun tahun ini, dan berdasarkan pengesahan aduan, sebanyak 444 premis diserbu dengan nilai rampasan berjumlah RM4,338,629,” katanya.